

TEKS UCAPTAMA

**YB. TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA**

**MAJLIS GRADUASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA
(ABM)**

PADA 17 DISEMBER 2018 (ISNIN)

**DI
PUSAT KONVENSYEN CIDB, CHERAS**

(Salutations to be provided on event day)

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kerja Raya, CIDB,
CIDB Holdings dan ABM,

Rakan-rakan industri serta pihak media

Para ibu bapa serta pelatih yang diraikan

Seterusnya sidang hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warrahmatullah Hiwabarakatuh, dan
Salam Sejahtera.**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia – Nya dapat kita sama-sama berkumpul di Pusat Konvensyen CIDB ini sempena Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah.
2. Saya amat berbesar hati kerana dijemput untuk bersama-sama dengan para hadirin sekalian untuk meraikan seramai 210 para pelatih ABM Tengah yang

telah menamatkan latihan mereka. Di kesempatan ini, saya ucapkan sekalung tahniah kepada saudara-saudari yang telah menamatkan latihan di ABM. Semoga saudara-saudara semua akan berjaya di dalam bidang yang diceburi.

Senario Kepentingan Latihan Teknikal Dan Vokasional Di Dalam Negara

Para hadirin sekalian,

3. Izinkan saya mengambil peluang ini untuk menyentuh tentang kepentingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET di negara ini. Kita semua sedia maklum bahawa TVET telah dikenalpasti sebagai salah satu fokus utama Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) iaitu di dalam Tonggak IV: Memperkasakan Modal Insan, dan Teras Strategik 3: “Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju”.
4. Teras strategik ini bertujuan untuk menghasilkan modal insan yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk berjaya dalam ekonomi global.

Ini penting bagi memastikan aktiviti-aktiviti ekonomi di dalam negara kita dapat diteruskan tanpa terlalu bergantung kepada pekerja asing yang tidak berkemahiran. Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal ini di Parlimen, kerajaan komited dengan usaha meningkatkan keupayaan belia dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bagi memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi.

5. Aspirasi ini digarap di dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang juga telah melalui Kajian Separuh penggal baru-baru ini. CITP di bawah Teras Strategik ketiga iaitu Produktiviti, telah mengenalpasti pembangunan kompetensi sebagai faktor kritikal dalam meningkatkan produktiviti industri pembinaan di negara kita. Selain itu, penggunaan teknologi serta kaedah pembinaan moden seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS), jentera dan Building Information Modelling atau BIM merupakan antara faktor utama untuk meningkatkan produktiviti industri pembinaan.

Para hadirin sekalian,

6. Kini, bidang kemahiran teknikal dan vokasional semakin diceburi oleh belia di dalam negara kita. Ini adalah suatu yang positif. Namun begitu, kita juga sedar bahawa masih ramai lagi belia dan juga ibu bapa yang tidak yakin dengan potensi kerjaya di dalam bidang kemahiran pembinaan. Namun, jika kita lihat di negara-negara maju seperti Australia, Finland dan Norway, kelulusan di dalam bidang TVET dilihat sebagai sesuatu pencapaian yang berprestij yang setaraf dengan kelayakan akademik.

Peranan CIDB di dalam pembangunan Personnel Binaan

Para hadirin sekalian,

7. CIDB sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Kerja Raya, telah meletakkan kepentingan yang tinggi kepada pembangunan tenaga kerja mahir di dalam industri pembinaan. Malah CIDB telah memperuntukkan perbelanjaan yang paling tinggi setiap tahun untuk program pembangunan personnel binaan dan belia di Akademi Binaan Malaysia,

berbanding dengan program lain.

8. Dari awal penubuhan ABM pada 1997 sehingga kini, CIDB telah membelanjakan lebih daripada RM700 juta untuk menyediakan program latihan kemahiran kepada belia dan personnel binaan di ABM dan di pusat-pusat latihan bertauliah yang lain. Pada tahun 2018, RM57 juta telah dibelanjakan untuk tujuan ini berbanding RM52 juta pada tahun 2017, berbanding RM32 juta pada tahun sebelumnya.
9. Peruntukan ini telah digunakan untuk melatih seramai hampir 400 ribu belia dan personnel binaan di seluruh negara. Syabas CIDB di atas pencapaian ini!

Inspirasi Kejayaan untuk Alumni ABM

Para hadirin sekalian,

10. Tidak ramai masyarakat di luar sana yang sedar bahawa bidang kemahiran di dalam industri pembinaan khususnya, mempunyai permintaan yang tinggi dari industri dan ia menawarkan pendapatan yang lumayan, setanding dengan mereka mempunyai kelulusan ijazah. Pada hari ini, saya berasa gembira dan bangga kerana berpeluang berjumpa dengan para belia, alumni

Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan mendengar sendiri kisah-kisah kejayaan yang dicapai oleh saudara-saudari sekalian. Kisah kejayaan saudara-saudari semua akan saya kongsi sebagai teladan kepada para belia kita di luar sana yang masih tidak tahu tentang potensi kerjaya “kolar biru” yang lumayan di dalam industri pembinaan ini.

11. Saya bangga apabila dimaklumkan bahawa ramai bekas pelatih ABM yang menerima gaji yang lebih tinggi daripada graduan-graduan universiti yang bekerja di pejabat. Tidak kurang juga mereka yang menggunakan kemahiran yang telah dipelajari dengan membuka perniagaan sendiri sebagai kontraktor, dan membawa pulang pendapatan lumayan, serta dapat menawarkan pekerjaan kepada orang lain.
12. Peluang pekerjaan dan perniagaan dalam bidang teknikal tidaklah terhad kepada industri tempatan sahaja. Saya difahamkan terdapat juga bekas-bekas pelatih yang bekerja di luar negara dengan pendapatan yang lumayan, berbekalkan sijil kemahiran dari ABM.
13. Saya mengucapkan syabas kepada CIDB di atas usaha mempromosikan kisah-kisah kejayaan Alumni ABM ini

di media sosial seperti di Youtube, Facebook dan juga di media massa bagi memberi kesedaran dan menarik minat lebih ramai lagi belia di luar sana untuk turut mendapatkan latihan di ABM dan seterusnya membina kerjaya di dalam industri pembinaan.

Penutup

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini sekali lagi, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para pelatih atas kejayaan mereka menamatkan latihan di ABM pada hari ini. Gunakanlah ilmu, peluang, dan kemahiran yang anda perolehi di akademi ini sebagai modal untuk membina kejayaan yang lebih mantap di masa hadapan.
15. Sekalung penghargaan juga untuk pihak CIDB, CIDB Holdings dan ABM Wilayah Tengah di atas usaha kalian dalam meningkatkan tenaga kerja mahir yang amat diperlukan negara dan memberi peluang kepada para belia tempatan menempa kejayaan di dalam industri pembinaan.
16. Kepada ibubapa para pelatih yang menamatkan

pengajian pada hari ini, tahniah dan terima kasih atas pengorbanan anda demi masa depan anak-anak tuan-tuan dan puan-puan dan juga demi negara.

17. Sekian, dengan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan Majlis Graduasi ABM Wilayah Tengah ini.

Terima Kasih.